

KENYATAAN MEDIA**Tujuh Calon Konstitusi Umum Menang Pemilihan MPP UniMAP**

Pauh Putra, 6 Oktober 2016 – Seramai tujuh daripada 16 calon umum diisyiharkan menang dalam Pengumuman Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2016/2017 Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di sini.

Nurhazwani Zabidin pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Pembuatan, mencatat undian tertinggi iaitu 7,924 diikuti Muhammad Amir Hakim Razali dari PPK yang sama dengan 6,395 undi.

Empat lagi calon yang memenangi konstitusi umum sesi 2016/2017 adalah Muhammad Zulfahmi Abd Halim dari PPK Bioproses (6,346 undi), Mohd Hafiz Robert dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) (5,971), Siti Nur Afiqah Abdul Azis juga dari FTK (5,825), Aida Zulaikha Akmar Harfidzi dari Pusat Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) (5,514) dan Mohamad Amir Arsyad Zainun dari FTK (5,337).

Naib Canselor UniMAP, DatoProf. Dr. ZulAzharZahid Jamal berkata, jumlah pelajar yang mengundi pada tahun ini meningkat sebanyak 8.1 peratus menjadikan jumlah 81.5 peratus berbanding 73.4 pada 2014.

“Sebanyak 11,076 pelajar atau 81.5 peratus daripada 13,590 pengundi yang layak mengundi menunaikan tanggungjawab masing-masing yang dijalankan secara *e-voting*.”

“Proses pemilihan ini dijalankan melalui proses-proses yang tertib dan mengikut lunas-lunas peraturan yang ditetapkan (TatacaraPemilihan MPP UniMAP, 2012),” katanya ketika berucap dalam Sesi Pengumuman Pemilihan MPP Sesi 2016/2017 UniMAP di sini.

Turut hadir, Timbalan NaibCanselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP, Prof. Madya Dr. MohdFo’ad Sakdan dan Dekan HEPA UniMAP, Prof. Madya Razli Ahmad.

Katanya, pembubaran MPP sesi 2015/2016 dilakukan pada 25 September 2016, diikuti dengan proses penamaan calon pada 30 September, manakala pemilihan diadakan dalamtempoh seminggu selepas itu bagi memberi peluang calon untuk berkempen.

“Saya dan pengurusan tertinggi UniMAP mengucapkan tahniah kepada yang terpilih dan berharap MPP dapat bersama pihak universiti dalam memantapkan agenda universiti, “ katanya.

Dikeluarkan Oleh :

Nurul Syawaliah Mansor

Unit Perhubungan Media UniMAP